

Title : Penari Rinduku

Composer : Mohd Khair Mohd Yasin (Compass)

Lyricist : Mohd Khair Mohd Yasin (Compass)

Penari rinduku
Hidup adalah sebuah
Pelayaran abadi samudera indah
Kerana engkau terus mempersembahkan
Gemalaimu di dada peribadiku yang lembut

Penari rinduku
Hidup adalah sebuah
Perjalanan melingkari cakerawala
Kerana engkau terus memperdengarkan
Irama malarku di dalam kehidupan yang penuh tekanan

Lantas
Aku akan terus mencari
Kerudung cinta yang paling mulia buat mu
Agar engkau mendakap syahdu
Selalu di bawah bayu nyawaku

Lantas
Aku akan terus mendaki
Gegunung minda yang paling fatan buatmu
Agar engkau bisa menggapai cindai kalbu
Di atas redha bahuku

Penari rinduku
Cinta adalah sebuah
Pertemuan melewati perbatasan alam
Kerana engkau gigih meladeni
Seni alunan perjuanganku sehinggalah
Waktu menjadi kaku

(Ulang semula dari atas)